

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI KEPADA WAKIL-WAKIL DARI BRUNEI DI KUALA LUMPUR PADA 10HB JULAI, 1962

Yang Teramat Mulia Pengiran¹ Pemanca kepada Maulana Sultan Brunei, tuan-tuan sekalian,

Saya sangat sukacita bagi pihak Kerajaan Persekutuan mengucapkan selamat datang kepada Duli Pengiran Pemanca serta wakil-wakil Tuanku Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan Brunei dan wakil-wakil Kerajaan Brunei ke Persekutuan Tanah Melayu ini beramah tamah dengan wakil-wakil Kerajaan Persekutuan.

Sesungguhnya kita di sini tidak tahu dengan sebenarnya apakah yang hendak dikemukakan oleh sahabat-sahabat kita yang datang dari Brunei itu tetapi kita sangat sukacitalah mendengarnya. Sungguhpun pada masa ini kita di sini sangat sibuk dengan urusan-urusan yang lain, terutama sekali bagi diri saya sendiri sebab tidak berapa lama lagi, pada hari Khamis atau Jumaat saya akan bertolak ke London, tetapi kita sukacitalah menerima rombongan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan ini. Oleh sebab tali persahabatan di antara kita dengan Brunei itu sangat rapat maka kita sedia menerima kedatangan pembesar-pembesar dari Brunei bila-bila masa sekalipun. Oleh itu jika ada apa-apa kekurangan terutama sekali tentang sambutan saya haraplah dimaafkan. Barangkali saya tidak usah bercakap panjang dengan Melayu Raya sebab perkara ini telah diperbincangkan beberapa bulan lamanya. Timbulnya cadangan Melayu Raya ini ialah disebabkan dengan kehendak sejarah dan peraliran masa. Selepas Peperangan Dunia yang Kedua Negara-negara yang ditakluk oleh British di Asia ini terpaksa berubah kedudukannya daripada Negara yang tertakluk menjadi Negara yang merdeka. Dan perubahan ini terpaksa sampai ke Negeri Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura juga seperti yang telah sampai ke Tanah Melayu ini. Dengan sebab itulah Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri telah mencadangkan ditubuhkan Melayu Raya ini supaya Negeri-negeri Brunei, Sabah, Sarawak dan Singapura dapat mencapai

1 Dato Paduka Muda Haji Ahmad Alam.

2 Tunku Abdul Rahman Putra.

kemerdekaan yang mereka kehendaki itu. Pada pandangan saya segolongan besar dari penduduk-penduduk di Negeri-negeri yang tersebut itu adalah menerima cadangan Melayu Raya ini dengan baiknya. Oleh itu terpulanglah kepada kita pembesar-pembesar untuk menimbangkan caranya negeri-negeri itu dapat disatukan dalam Melayu Raya ini dan cara untuk menentukan kuasa-kuasa Kerajaan Pusat dan kuasa-kuasa Kerajaan Negeri. Pada fikiran saya perkara-perkara ini tentulah tidak menjadi alangan yang besar bagi kita menghasilkan maksud kita itu. Cadangan Melayu Raya ini dikemukakan iaitu terutama sekali memandangkan kepada kepentingan dan faedah penduduk-penduduk di negeri-negeri yang tersebut kerana dalam zaman yang kita hadapi sekarang ini negeri-negeri kecil tentulah tak boleh duduk sendiri dan tentulah tak berupaya untuk menjaga keselamatan mereka itu. Sekarang ini sungguhpun Persekutuan Tanah Melayu telah merdeka tetapi kita di sini belumlah lagi mampu mengadakan tentera-tentera yang cukup lengkap untuk mempertahankan Tanah Melayu daripada serangan dari luar. Begitu jugalah negeri-negeri lain seperti Brunei umpamanya, jika Brunei menjadi satu negeri yang merdeka tentulah susah untuk mengadakan alatan-alatan pertahanan yang cukup bagi keselamatan negeri itu. Dengan sebab itu sangatlah munasabah jika negeri-negeri ini yang satu asal dan satu sejarah dapat bersatu supaya dapat mereka itu menjaga keselamatan rakyat dan negara mereka itu.

Negeri-negeri Melayu yang lain di Persekutuan Tanah Melayu telah bersatu, telah menjadi satu Negara dan sangat eloklah jika Brunei dapat masuk bersatu dengan Negeri-negeri Melayu ini supaya dapatlah kita bersama-sama menjaga keselamatan bangsa dan negara kita. Kita hendaklah memandangkan kepada musuh yang tertentu, iaitu dari pihak komunis yang cuba hendak merosakkan keamanan negara kita dan hendak menaklukkan negara kita ini supaya dijadikan negeri komunis. Dengan sebab itu mustahaklah kita bersatu padu supaya dengan kekuasaan yang lebih dapatlah kita menahannya daripada serangan musuh itu. Pada fikiran Kerajaan Persekutuan, jikalau Melayu Raya ini ditubuhkan eloklah ditubuhkan segera dan jika dapat diistiharkan pada 31hb Ogos 1962 ini maka dapatlah kita adakan satu hari Kebangsaan bagi seluruh Melayu Raya ini.

Mesyuarat ini diadakan ialah untuk memberi peluang kepada tuan-tuan sekalian memperbincangkan apa masaalah yang akan

dikemukakan oleh wakil-wakil daripada Duli Yang Maha **Mulia** Maulana Sultan Brunei dan **Kerajaan** Brunei dan saya harap dapatlah **kita memberi keterangan-keterangan** yang **boleh** memberi puas **hati** kepada **negeri** itu. Kita harap dengan keterangan-keterangan dan dengan peluang **bertukar** fikiran **ini** dapatlah **segala masalah** yang **berkaitan** dengan **percantuman** Brunei dengan Negeri Melayu di Persekutuan Tanah Melayu ini **diatasi** dengan memberi puas hati.

Saya harap juga jika dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, saya dengan dua atau tiga orang pegawai-pegawai di **sini akan** dapat **melawat** ke Negeri Brunei selepas **balik** dan London supaya dapat mengadap **Duli** Yang Maha Mulia dan **mempersalahkan** apa juga keterangan-keterangan yang **Duli** Yang Maha Mulia **sendiri berkehendakkan berkenaan** dengan soal Melayu Raya itu.